



GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN

Versi 2.0

**PINDAAN TARIKH KELULUSAN MPU KALI KE-278
BERTARIKH 25 JANUARI 2023**



GARIS PANDUAN PEMBERIAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TUJUAN

1. Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan polisi dan peraturan mengenai Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan kepada pegawai universiti yang layak dengan kaedah bayaran elaun bulanan bagi menggantikan pemberian Kereta Rasmi Jawatan sedia ada.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, pelaksanaan polisi dan peraturan pemberian Kereta Rasmi Jawatan tertakluk kepada Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa. Di samping itu pelaksanaan juga tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU).
3. Mesyuarat Jawatan Lembaga Pengarah Universiti dalam mesyuaratnya kali ke-34 minit 17/34/2013 telah bersetuju untuk meluluskan pemberian elaun gantian kereta rasmi jawatan kepada staf UMT yang berkelayakan. Elaun gantian kereta rasmi jawatan ini adalah menggantikan pemberian kemudahan rasmi yang dilaksanakan pada masa itu.
4. Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) kali ke-155 Bil. 12 Tahun 2016 telah bersetuju meluluskan perubahan Syarat-syarat Elaun Gantian Kereta Rasmi dimana ianya telah dinyatakan dalam Pekeliling Bendahari Bil. 2 Tahun 2014 mengenai Pemberian Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan, UMT yang telah dikeluarkan pada 18 Februari 2014 dan satu Surat Pekeliling Bendahari Bil. 3 Tahun 2016 mengenai Pindaan Syarat-syarat Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan yang telah dikeluarkan pada 28 November 2016.

KADAR KELAYAKAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN

5. Kadar Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan yang layak diterima oleh Pegawai adalah sebanyak **RM2,000.00** sebulan.

PEGAWAI YANG LAYAK

6. Pegawai UMT yang layak dibayar Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan (EGKRJ) adalah seperti berikut:
 - 6.1 Pegawai Gred Utama/ Khas C dan ke atas yang memegang jawatan pentadbiran sebagai Ketua PTJ;
 - 6.2 Pegawai Gred Utama/ Khas B dan ke atas termasuk Naib Canselor dan Timbalan-Timbalan Naib Canselor.
7. Pemberian Kemudahan ini akan terbatal apabila pegawai tidak lagi memegang jawatan pentadbiran sepertimana di perenggan 6.
8. Pemberian elaun gantian ini dikategorikan sebagai elaun tidak berpencen.

KELAYAKAN KENDERAAN RASMI DAN KADAR ELAUN GANTIAN KENDERAAN RASMI JAWATAN

9. Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor yang berada di Gred Utama/Khas B dan ke atas diberi 2 pilihan iaitu pemberian kenderaan rasmi Universiti atau pembayaran elaun gantian kenderaan rasmi jawatan sepertimana berikut:

9.1 Pilihan 1 : Pemberian Kenderaan Rasmi Universiti

BIL	Jawatan / Gred	Kelayakan Kereta Rasmi	Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (RM)	Kelayakan Mendapat Pemandu	Tuntutan Elaun Perjalanan (mengikut kadar rasmi)
1.	Naib Canselor	✓	×	✓	✓
2.	Timbalan Naib Canselor	✓	×	✓	✓

TERHAD**9.2 Pilihan 2 : Pembayaran Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (EGKRJ)**

BIL	Jawatan / Gred	Kelayakan Kereta Rasmi	Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (RM)	Kelayakan Mendapat Pemandu	Tuntutan Elaun Perjalanan (mengikut kadar rasmi)
1.	Naib Canselor	×	RM2000.00	✓	✓
2.	Timbalan Naib Canselor	×	RM2000.00	✓	✓

10. Pembayaran Elaun Gantian Kereta Rasmi Jawatan bagi Pegawai di Gred Utama/ Khas C dan ke atas yang memegang jawatan pentadbiran serta Pegawai di Gred Utama/ Khas B dan ke atas adalah seperti berikut:

Pembayaran Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (EGKRJ)

BIL	Jawatan / Gred	Kelayakan Kereta Rasmi	Elaun Gantian Kenderaan Rasmi Jawatan (RM)	Kelayakan Mendapat Pemandu	Tuntutan Elaun Perjalanan (mengikut kadar rasmi)
1.	Pegawai Gred Utama/ Khas C yang memegang jawatan pentadbiran sebagai Ketua PTJ	×	RM2000.00	×	✓
2.	Pegawai di Gred Utama/ Khas B dan ke atas	×	RM2000.00	×	✓

PELAKSANAAN PEMBERIAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN

11. Kereta rasmi jawatan yang diberikan sebelum ini akan dikembalikan dan dipusatkan di Pejabat Pembangunan dan Harta (PPH).

SYARAT PEMBERIAN ELAUN GANTIAN KERETA RASMI JAWATAN

12. Pegawai yang diperuntukkan Elaun Gantian Kereta rasmi Jawatan bertanggungjawab memastikan Kereta Rasmi Pegawai yang digunakan di sepanjang tempoh kelayakan bersesuaian dan memenuhi syarat dan kriteria berikut:
 - 12.1 Apa-apa jenis kereta dibenarkan dan bersesuaian;
 - 12.2 Enjin berkapasiti sekurang-kurangnya 1800cc bagi kereta jenama tempatan atau bagi kereta berjenama luar negara dengan enjin berkapasiti sekurang-kurangnya 1500cc, atau kereta jenama tempatan atau luar negara dengan enjin turbo berkapasiti sekurang-kurangnya 1300cc;
 - 12.3 kereta berusia kurang daripada dua (2) tahun;
 - 12.4 kenderaan import yang belum didaftarkan berusia tidak melebihi 5 tahun dari tarikh pengeluaran (*Year of Manufactured*).

TARIKH KUAT KUASA

13. Pindaan peraturan ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya diluluskan iaitu 25 Januari 2023 [MPU Kali Ke-278 (Bil. 2 Tahun 2023)].

PEMBATALAN

14. Dengan berkuat kuasanya Garis Panduan ini, semua peraturan yang terkandung dalam syarat terdahulu adalah dibatalkan.

JABATAN SUMBER MANUSIA
PEJABAT PENDAFTAR UMT
JANUARI 2023